

## Budaya Bangsa Negara Asia Tenggara Beserta Perbedaannya

Kegiatan seminar yang berlangsung selama dua hari (28-29 November 2012) tersebut, menghadirkan 10 orang narasumber, terutama para akademisi yang concern dalam pengkajian Melayu baik dari dalam maupun luar negeri, seperti Prof. Margaret Kartomi (Monash University), Prof. Dr. Azyumardi Azra, M.A. (UIN Syarif Hidayatullah Jakarta), Henri Chambert-Loir (Peneliti Manuskrip Melayu dari Perancis), Prof. Datuk Wira Dr. Abdul Latiff bin Abu Bakar (University Pendidikan Sultan Idris Malaysia), Suryadi, M.A (Leiden University Institute for Area Studies), Prof. Dr. Abdul Hadi, WM (Universitas Paramadina Jakarta), Prof. Dr. Yusmar Yusuf (Universitas Riau) Prof. Dr. H. Mahdi Bahar, S.Kar., M.Hum (ISI Padangpanjang), Prof. Dr. Sri Hastanto, S.Kar (ISI Surakarta), dan Prof. Dr. I Wayan Rai S, M.A (ISI Denpasar). Selain narasumber tersebut, prosiding seminar ini juga memuat makalah-makalah partisipan (call pappers) yang berasal dari berbagai disiplin ilmu. Seminar yang dihadiri oleh 350 orang peserta ini, dimaksudkan sebagai upaya untuk menggali, memetakan dan mendefinisikan kembali Melayu dalam ruang lingkup yang sesungguhnya, yakni sebagai sebuah dunia Melayu dengan keberagaman etnis, budaya dan geografis, yang dirajut oleh latar belakang nilai-nilai humanistik yang sama. Wacana mengenai kemelayuan justru seringkali mengecilkan peran dan arti penting peradaban Melayu. Sejumlah pihak malah menyatakan klaim sebagai pemilik sah kebudayaan Melayu, yang nyatanya menjadi milik komunal rumpun bangsa Melayu itu sendiri, yang tersebar di kawasan Asia Tenggara dan Nusantara khususnya sejak zaman Melayu Tua (proto Melayu) sampai Melayu Muda (deutro Melayu). Persepsi mengenai Melayu pun kemudian menjadi sangat lokal dan spesifik. Hal ini tentunya sangat merugikan dan memecah-belah masyarakat dan peradaban Melayu itu sendiri. Prosiding Seminar Internasional ini disusun sebagai dokumentasi dari sebuah diskursus keilmuan, yang pada akhirnya dapat menjadi salah satu sumber pemikiran dan informasi mengenai dunia Melayu dalam perspektif seni dan budaya. Oleh karena itu, panitia memberikan apresiasi dan ucapan terima kasih kepada seluruh narasumber yang telah menyumbangkan ide, gagasan dan pemikirannya. Ucapan terima kasih juga disampaikan kepada seluruh pihak yang telah berperan aktif dalam menyukseskan kegiatan seminar ini.

Political issues on Malay and national development in Malaysia.

Kepelbagaian budaya dan pembinaan bangsa (Multiculturalism and Nation-Building) kajian kes di Singapura Tamadun Melayu dan pembinaan bangsa Malaysia

Interaksi antara tamadun manusia sedunia merupakan fenomena yang penting dalam konteks membentuk dan memupuk persefahaman sejagat untuk mencapai keamanan. Interaksi itu perlu berlandaskan pemahaman dan penghayatan segala aspek etos bangsa lain supaya segala aspek positif bangsa lain yang tertayang melalui tamadunnya dapat turut dimanfaatkan untuk membina dan memperkuat tamadun bangsa sendiri melalui pemindahan ilmu, maklumat, teknologi dan kemahiran. Dalam upaya memenuhi tujuan itu, diperlukan wasilahnya, iaitu bahasa yang merupakan alat pemikiran dan komunikasi terpenting bagi manusia. Pemindahan ilmu, maklumat, teknologi dan kemahiran dilaksanakan melalui proses penterjemahan daripada bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran dengan menitikberatkan dua aspek penting, iaitu penguasaan bahasa sumber dan bahasa sasaran serta penguasaan aspek pemikiran dan budaya bangsa yang menjadi sumber proses pemindahan itu. Syarahan ini mengupas peranan dan sumbangan bidang terjemahan dalam pemupukan kerjasama ketamadunan supranasional yang tidak terbatas oleh realiti geopolitik. Tumpuan perhatian diberikan kepada hubungan antara tamadun Melayu dengan tamadun China, dengan mengambil kira beberapa asas kesejarahan dan persamaan dalam aspek tertentu dan juga realiti semasa meningkatnya hubungan antara dunia Melayu, termasuk Malaysia dengan



bersesuaian dengan konteks organisasi dan sosial di Malaysia menjadi fokus utama buku ini. Penyelidik bidang komunikasi di Universiti Utara Malaysia secara khususnya mengupas isu komunikasi dan sosiobudaya dalam buku ini dari sudut penggunaan bahasa, agama dan juga pengurusan komunikasi.

Symposium on the Malay minority in Sri Lanka; papers.

Kendati pun sejarah orang Melayu dalam gerakan kebangsaan di Malaysia telah pernah ditulis, tetapi tidak banyak pengarang yang dengan jelas cuba mentakrifkan siapa dia yang disebut Melayu itu dan bagaimana, di sebalik keterikatan orang Melayu kepada nilai-nilai tradisionalnya, agama Islam masih tetap berperanan ampuh dalam mencitrakan budaya dan kerangka nilai bangsa ini hingga ke zaman sekarang.

Berbekalkan nilai-nilai inilah, baik yang bersifat keagamaan mahupun adat, orang Melayu mengharungi perubahan menuju kemodenan dan ini diejawantahkan dalam gerakan politik dan Islam radikal yang cuba menggembelng orang Meayu menentang penjajahan British. Buku ini menghimpun kan beberapa esei yang ditulis berdasarkan penyelidikan, untuk cuba membicarakan sejarah asal-usul bangsa Melayu dalam konteks gugusan kepulauan Melayu, pembentukan jati diri, dan kaitannya dengan gagasan” kemelayuan”, serta kesedaran kebangsaan yang lahir sebelum Perang Dunia Kedua akibat sentuhan pengaruh dari seberang Selat Melaka. Secara khusus buku ini menumpukan perhatian kepada sejarah pertumbuhan dan perkembangan politik radikal dalam kalangan orang Melayu dan cuba membahaskan tanggapan serta respons mereka terhadap keberadaan bangsa-bangsa bukan Melayu dalam upaya pembentukan suatu bangsa Malaya dan kemudiannya Malaysia.

Persoalan yang paling besar dalam kehidupan seorang manusia yang berfikir adalah tentang siapakah Tuhan mereka dan apakah hakikat Tuhan itu sendiri? Selain itu, soalan seperti, “Dari mana kita wujud?”, “Mengapa kita wujud?”, dan “Ke manakah kita selepas kewujudan ini?” merupakan soalan pemikiran dan falsafah yang menjadi asas kepada pemikiran falsafah jauh sebelum Nabi Muhammad SAW menerimanya wahyunya yang pertama. Soalan-soalan tersebut tidak mampu sewenang-wenangnya dijawab hatta oleh ahli fikir yang agung sekalipun. Sehingga manusia mendapat petunjuk wahyu daripada Sang Pencipta mereka yang berkomunikasi dan menyampaikan watak-watak khas melalui pengantara untuk mengingatkan hakikat keberadaan dan kewujudan mereka atas muka bumi ini, ia adalah kesengajaan Sang Pencipta sebagai ujian untuk mengetahui hamba-Nya yang mana patuh dan taat serta sebaliknya. Tujuannya apa? Tiada lain melainkan untuk menunjukkan kemahakuasaan-Nya semata-mata. Tuhan yang menciptakan segala makhluk menjadikan kepercayaan kepada kewujudan-Nya sebagai ujian iman yang paling besar kepada makhluk yang ditaklifkan iaitu manusia dan jin. Selain daripada keduanya tiada beban tanggungjawab yang akan dipersoalkan kelak di akhirat, ia adalah kemuliaan sekali gus adalah beban yang maha berat.

Buku ini mengkaji peranan arsitektur dan desain kota dalam membentuk politik kontrol Belanda, gerakan nasionalisme Soekarno dan kontrol sosial pemerintahan Orde Baru. Menggunakan tema-tema yang luas namun kuat, ia mengeksplorasi bagaimana budaya kolonial digunakan untuk menemukan identitas “baru” pascakolonial. Melalui kajian arsitektur dan ruang perkotaan, buku ini menelusuri wacana identitas nasional; pembentukan budaya politik negara; isu kelas, etnisitas dan kebangsaan; pembuatan identitas kolektif, dan

“budaya takut” di ibu kota negara Indonesia. Buku ini juga menunjukkan bagaimana arsitektur dan ruang perkotaan dapat dilihat, baik secara historis maupun teoritis, sebagai representasi kemunculan maupun kemunduran aturan sosial. Secara keseluruhan, buku ini menghadirkan pertanyaan-pertanyaan serius tentang relevansi kritik dan teori pascakolonial bagi pemahaman terhadap politik budaya negara pascakolonial.

Sejarah yang benar tidak semestinya sejarah yang rasmi. Sejarah yang rasmi pula tidak semestinya benar. Analisis dan kajian perlu dilakukan bagi memisahkan antara fakta yang sahih daripada catatan palsu. Buku ini adalah sebuah catatan perjalanan penulis menyelusuri lipatan sejarah hebat hubungan Kerajaan Islam Turki dan Alam Melayu, yang disembunyikan! Hubungan Turki-Melayu bukan sahaja hubungan diplomatik tetapi hubungan iman, jihad dan persaudaraan Islam. Turki sebagai pelindung umat Islam menganggap Alam Melayu sebagai sebahagian induk wilayah Islam keseluruhannya. Sejak zaman Sultan Sulaiman Agung, bahkan lebih awal, bantuan ketenteraan telah dihantar oleh Uthmaniyyah bagi membantu umat Islam Alam Melayu menentang Portugis. Kemudian, ketika pemerintahan Sultan Abdul Hamid II, bantuan ketenteraan turut dihantar ke Alam Melayu bagi menentang Belanda dan British. Ramai tentera Uthmaniyyah yang berjuang di Tanah Melayu menentang Portugis dan Siam tidak pulang kembali ke Turki, sama ada mereka gugur syahid atau meneruskan kehidupan di sekitar wilayah Patani. Patani adalah penempatan Melayu yang terlepas ke tangan Siam akibat permainan politik British-Siam.

Karya ini sekali lagi mempamerkan keberanian pengarangnya dalam memberikan tafsiran baru terhadap satu lagi karya klasik agung orang Melayu. Kali ini dengan menggunakan kaedah filologi, Prof. Emeritus Datuk Dr. Ahmat Adam secara kritis telah membedah isi kandungan sebuah hikayat yang selama lebih daripada dua abad ternyata salah dibaca dan silap ditransliterasikan ke huruf Rumi oleh para pengkaji Orientalis dan tempatan. Kesalahan zaman-berzaman ini jugalah yang menjadikan hikayat yang masyhur ini telah silap ditafsirkan bukan sahaja dari segi penyebutan nama gelaran Laksamana Melaka yang sebenar, tetapi juga dari segi isi kandungan yang menceritakan petualangan Laksamana yang masyhur itu. Yang menjadi lebih parah lagi ialah selepas kisah legendaris Laksamana itu diceriterakan oleh pengarang Sulalat u's-Salatin, kisah pengembaraannya yang dilukiskan di dalam Hikayat Hang Tuha telah mempengaruhi pemikiran sebahagian anggota masyarakat dan dipercayai oleh mereka itu sebagai kisah yang benar-benar terjadi dalam sejarah Melaka. Melalui kajian ini pengarang cuba mengajak pembaca agar menilai sendiri karya sastera yang berlatarkan sejarah ini, dan cuba berfikir secara kritis untuk membezakannya dengan sebuah karya sejarah yang lebih tulen mengenai kesultanan Melaka dan Laksamana yang benar-benar wujud pada zaman abad ke-15 dan ke-16.

History of civilization of Malay people in Southeast Asia.

Konsep yang aktual Disusun berdasarkan kurikulum 2013 edisi revisi terbaru.

Teknik penyampaian materi berdasarkan jenjang kelas 7,8, dan 9 Cukup 1 buku SUPER COMPLETE untuk semua jenjang Acuan penguasaan materi Untuk dapat menguasai konsep materi buku ini dilengkapi dengan acuan berbagai soal-soal perkompetensi dasar yang mengacu pada LOTS, MOTS, dan HOTS Kupas tuntas soal per-KD Terdiri dari 10.265 soal yang dilengkapi dengan jawaban full pembahasan super lengkap Fokus inti materi 5 mata pelajaran : - MATEMATIKA - IPA - IPS - BAHASA INDONESIA - PPKN - BAHASA INGGRIS

Sulalat u's-Salatin atau Sejarah Melayu, bersama-sama dengan Hikayat Hang Tuah adalah dua buah karya klasik agung orang Melayu yang tidak perlu ditekankan peri pentingnya dalam sejarah kebudayaan bangsa itu. Dihasilkan pada abad ke-16 dan ke-17, karya yang asalnya ditulis berperingkat-peringkat dengan berdasarkan tradisi lisan, masing-masing telah menjadi rujukan utama dalam pengajian sejarah dan kebudayaan bangsa Melayu. Kendatipun banyak orang menganggap Sejarah Melayu sebagai sebuah karya sejarah yang bona fide, dan ramai pula yang menganggap Hikayat Hang Tuah adalah epik sejarah yang benar-benar meriwayatkan petualangan Laksamana Melaka yang hidup antara abad ke-15 dan ke-16, namun usaha membicarakan dua teks Melayu klasik ini tidak pernah dibuat secara kritis untuk menentukan dengan pasti sejauh mana Sejarah Melayu dapat dianggap sebagai sumber sejarah yang boleh dipercayai, dan sejauh mana pula manusia yang bernama Hang Tuah itu benar-benar wujud dalam sejarah. Mungkinkah kewujudan Hang Tuah itu hanya berasaskan kepercayaan banyak orang, setelah terpengaruh oleh Hikayat Hang Tuah yang pernah tersebar secara meluas di serata pelosok dunia Melayu semenjak tidak kurang daripada empat abad yang lalu? Buku Antara Sejarah dan Mitos yang bernada kritis ini ditulis oleh seorang sejarawan yang cuba merungkai persoalan kebolehpercayaan Sejarah Melayu sebagai sumber sejarah yang utuh, dan juga menganalisis secara kritis kewujudan Hang Tuah dalam sejarah silam Melaka bagi menentukan sama ada figur ini adalah benar-benar tokoh sejarah ataupun semata-mata tokoh yang dimitoskan sahaja.

??100????????????????????????????????????

Bangsa-bangsa di Asia Tenggara telah ditakdirkan sebagai plural-societies, yaitu bangsa pluralistik yang terdiri atas beragam suku bangsa/etnis, ras, budaya, agama, dan adat-istiadat.

Dalam mengejar arus kemajuan tidak dinafikan terdapat dalam kalangan kita tidak mengetahui dan mungkin juga tidak peka dengan keadaan sosiobudaya dan kepakaran serta kearifan tempatan yang dimiliki masyarakatnya sendiri khususnya masyarakat Melayu. Bermula daripada kepakaran yang diwarisi dari generasi terdahulu kemudiannya telah berkembang dan diinovasikan untuk terus diamalkan oleh generasi masa kini. Kekayaan serta keunikan pelbagai kearifan tempatan ini wajar untuk dilestarikan supaya diketahui, dikenali dan dihayati bersama agar warisan tinggalan pemikiran unggul generasi terdahulu 'tidak lekang dek panas dan tidak lapuk dek hujan'. Oleh itu, bertepatan dengan objektif yang ingin dicapai, penghasilan buku ini mengetengahkan empat

subkearifan tempatan iaitu budaya, sejarah, perubatan tradisional dan pelancongan yang berjaya dibedah dan dikupas dengan begitu menarik untuk menimbulkan keunikan yang kita miliki. Melalui keunikan inilah kita berdiri dan berbangga sebagai rakyat Malaysia yang diharapkan dapat melestarikan warisan kearifan tempatannya. Universiti Sains Malaysia, Penerbit Universiti Sains Malaysia

On nationalism, politics and government in Malaysia; articles.

Buku ini merupakan kristalisasi penelitian lapangan selama dua dekade atas kota-kota besar di Thailand, Sri Lanka, Indonesia, Malaysia, Filipina dan Singapura. Ditulis dalam konteks tradisi riset sosiologi Eropa, khususnya Jerman, mulai dari Karl Marx, Max Weber sampai Habermas dan Bourdieu. Dilakukannya penulisnya selama aktif di Centre Sociology of Development Research- di University of Bielefeld Jerman; juga selama mengajar di Chulalongkorn University-Thailand, National University of Malaysia, University Andalas Padang. Pusat studi kependudukan UGM, Fakultas Sosiologi UI, University of the Philippines dan Institute of Southeast Asian Studies Singapura. Hubungan antara proses-proses mikro dan makro; interaksi antara akurumput struktur kota dan kalangan atasnya; antara teori-teori sosial dan data empiris, dianalisis untuk memberikan gambaran yang hidup tentang betapa beragamnya bentuk-bentuk kehidupan kota, kreativitas para warganya dalam kantong-kantong kumuh di Bangkok, Manila dan Jakarta; beragamnya simbol-simbol kultural, politik dan religiosita di ruang kota.

MENYURAT PESANAN PERDANA merupakan sebuah novel yang digarap dalam bentuk surat menyurat (emel) antara dua orang sahabat yang telah lama berpisah - Datuk Haji Fadzil Ibrahim, seorang pemimpin politik di peringkat akar umbi dengan seorang sahabatnya yang merupakan seorang pesara kerajaan (melalui watak Saya). Kisahnya bermula apabila mereka bertemu dalam satu reunion para pelajar sekolah menengah mereka (lepasan tahun 1960-an) di Bandar Perda, Butterworth. Dengan perjumpaan itu, bermulalah emel antara mereka. Kisah pertama bermula dengan nasihat sang sahabat kepada Datuk Haji Fadzil Ibrahim tentang peranan dan tanggungjawab seorang pemimpin politik di peringkat akar umbi. Nasihat-nasihat dan motivasi tersebut berpandukan kata-kata dan pesanan yang pernah diungkapkan oleh Tun Abdul Razak dalam tahun-tahun 1960-an dahulu untuk dijadikan pedoman kepada sahabatnya itu yang masih aktif dalam dunia politik setempat. Kisah dilanjutkan lagi dengan harapan-harapan sang sahabat tersebut kepada Datuk Haji Fadzil supaya beliau meneruskan perjuangan yang ditinggalkan oleh Tun Abdul Razak - antara memajukan kawasan luar bandar, memartabatkan bahasa Melayu, sistem pendidikan kebangsaan, kebudayaan dan juga agama Islam dalam usaha negara menuju ke Transformasi Nasional (TN50) pada tahun 2050 nanti. Di samping itu, disentuh juga konflik yang dihadapi oleh Datuk Haji Fadzil Ibrahim sebagai pemimpin politik di peringkat akar umbi yang berhadapan dengan masalah-masalah sosial setempat seperti kehadiran para pendatang asing,

penanaman pokok ketum, pengaruh media sosial, ajaran sesat serta pendidikan agama yang berlaku di kawasan sahabatnya. Novel berbentuk surat menyurat ini diakhiri dengan usaha Datuk Haji Fadzil Ibrahim yang masih meneruskan usahanya untuk menubuhkan sebuah pusat tahfiz moden di kawasannya dan harapannya kepada Datuk Haji Fadzil Ibrahim apabila Dasar Tahfiz Negara dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan April 2016. Biography of Tun Ismail, a Malaysian physician and politician, former Deputy Prime Minister of Malaysia.

Syarahan ini mengambil pendirian bahawa sebagai unsur yang dinamik, budaya dan budaya niaga mengambil bentuk yang berlainan dalam konteks struktur sosiekonomi dan politik yang berubah dalam proses pembangunan negara. Budaya niaga etnik Cina Malaysia mengambil bentuk yang berbeza mengikut perubahan dasar ekonomi negara, peluasan peranan kerajaan dalam ekonomi yang melahirkan aktor-aktor baharu dalam bidang ekonomi sama ada untuk bersaing mahupun bekerjasama dengan usahawan Cina dan lain-lain, serta proses globalisasi ekonomi yang semakin pesat dan mencabar yang menuntut daya saing tinggi. Hal ini bererti budaya niaga Cina tidak boleh lagi semata-mata bersifat keluarga dan intra-etnik tetapi harus mengambil kira bentuk-bentuk organisasi korporat yang baharu dan juga peranan etnik-etnik lain di Malaysia khususnya usahawan Melayu yang dilahirkan melalui dasar kerajaan khasnya Dasar Ekonomi Baru (DEB). Syarahan ini dibahagikan kepada lima bahagian. Bahagian pertama membahaskan pendekatan-pendekatan yang digunakan untuk menjelaskan fenomena pembangunan kapitalisme di Asia Timur dan Asia Tenggara. Dalam syarahan ini pengkaji mengetengahkan satu pendekatan yang menggabungkan struktur dan agensi dengan memberi perhatian kepada konteks sejarah dan dinamisme agensi yang bertindak dalam ruang struktur dan sejarah tertentu. Pendekatan ini menganggap budaya tetap penting tetapi budaya itu bersifat dinamik dan perlu dihubungkan dengan peranan agensi dan struktur yang berinteraksi dan berkembang dalam sejarah sehingga ia berfungsi dalam proses pembentukan dan pembentukan semula usahawan etnik Cina Malaysia dalam konteks dasar sosioekonomi dan politik negara yang berubah serta peluasan kuasa globalisasi yang semakin meningkat. Bahagian kedua menjelaskan pembentukan keusahawanan etnik Cina Malaysia yang berubah sifatnya daripada intra-etnik di bawah sistem ekonomi bebas kepada sifat inter-etnik di bawah DEB. Bahagian ketiga menjelaskan kemunculan dua bentuk keusahawanan baharu dalam sekitar tahun 1990-an; satu ialah kemunculan usaha sama inter-etnik syarikat korporat etnik Cina hasil daripada naungan politik dan satu lagi ialah kemunculan usaha sama inter-etnik dalam syarikat kecil dan sederhana. Bahagian keempat menjelaskan globalisasi ekonomi yang semakin berkembang mencipta peluang keusahawanan serta pelaburan etnik Cina Malaysia ke luar negara. Peluang keusahawanan etnik Cina juga muncul dalam sektor teknologi. Bahagian kelima membincangkan peluasan peranan kerajaan dalam ekonomi yang dominan menghambat pembangunan keusahawanan di Malaysia. Kesimpulannya, pengkaji berhujah bahawa untuk melangkah ke hadapan, walaupun etnisiti penting dalam masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia, keusahawanan Malaysia baharu perlu melangkaui etnisiti demi meningkatkan daya saing dan pembentukan ciri-ciri keusahawanan yang unggul yang mampu bersaing di dalam negara dan di arena antarabangsa. Cabaran usahawan Malaysia dalam konteks pembangunan ekonomi China bukan sebagai etnik Cina tetapi sebagai usahawan yakni peranan budaya masih relevan tetapi tidak memadai, ia mesti dilengkapi dengan know-how, dan teknologi, serta sokongan kerajaan dalam zaman Revolusi Industri 4.0. Essays on history of Malay language and literature and Malaysian culture.

[Copyright: 3feae1efae11e460f690e326d0b0a17d](https://www.pdfdrive.com/3feae1efae11e460f690e326d0b0a17d)